

## Penerokaan Fatwa Berkaitan Alkohol di Jabatan Mufti Negeri Zon Utara Semenanjung Malaysia

*[Exploration of Alcohol Fatwa in the State Mufti Department of the Northern Zone of Peninsular Malaysia]*

Nor Musfirah Mohamad (*Corresponding author*)

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) Perlis, Malaysia &

Email: [musfirah@kuips.edu.my](mailto:musfirah@kuips.edu.my)

**Basri Ibrahim**

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) Perlis, Malaysia.

Email: [bashim67@kuips.edu.my](mailto:bashim67@kuips.edu.my)

**Fathullah Asni**

Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM),  
Malaysia.

Email: [fathullah@usm.my](mailto:fathullah@usm.my)

*Article  
Progress:*

*Submission date:  
20 May 2024*

*Accepted date:  
1 June 2024*

### ***ABSTRACT***

*Fatwa is the process of answering, explaining or clarifying the law, whether a sole decision by a mufti or collectively by a Fatwa Committee. The law on alcohol (ethanol) in food and drinks in Malaysia is decided by the Malaysian National Fatwa Council because it is a national issue. However, it was found that alcohol fatwa decided by the Fatwa Committee in the State Fatwa Department are not uniform because there are states that decide on alcohol fatwas and publish them, and there are states that do not issue fatwas related to alcohol. Therefore, this study aims to explore the fatwa regarding alcohol in the State Mufti Department of the Northern Zone of the Peninsular Malaysia, including the State Fatwa Department of Kedah, Perlis and Penang. This study is conducted through a qualitative method, using library and field research for data collection. The methodologies used are document analysis and semi-structured interviews. The data obtained is analyzed using the document analysis method. The results of the study found that only the Kedah State Fatwa Department has decided on alcohol fatwas precisely and with gazette status. However, the Perlis State Fatwa Department and the Penang State Fatwa Department have yet to decide explicitly on the fatwas related to alcohol. But both apply the legal decision at the National level through the Islamic religious departments of their respective states. This article suggests improvements to fatwas related to alcohol following the changing times and local customs*

*to facilitate the Muslim community and the food and beverage industry, consumables, cosmetics and others to reference alcohol use according to Syarak law.*

**Keywords:** Fatwa; Alcohol; Food and drinks; State Mufti Department; The Northern Zone of Peninsular Malaysia

## PENDAHULUAN

Institusi fatwa di Malaysia dikategorikan kepada dua iaitu peringkat negeri dan peringkat kebangsaan (Yeop Johari, 2001). Fatwa yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan diuruskan oleh JAKIM di peringkat persekutuan (di bawah Jabatan Perdana Menteri) adalah tidak diwartakan, bersifat pandangan hukum dan tidak mengikat dari segi undang-undang Malaysia. Situasi ini jelas menunjukkan fatwa yang diwartakan di setiap negeri adalah lebih mengikat undang-undang syariah berbanding fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Ini dibuktikan bawah Seksyen 22 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008. Fatwa yang diwartakan (digazetkan) setiap negeri di Malaysia adalah mengikat orang Islam yang berada di negeri masing-masing dan terpakai bersama enakmen syariah bagi setiap negeri malahan boleh menjadi salah satu sumber rujukan hakim-hakim dalam memutuskan kes-kes di mahkamah negeri masing-masing (Rosele dan Abdullah, 2021; Yusli, 2021).

Namun, didapati fatwa berkaitan alkohol yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa di Jabatan Fatwa Negeri-Negeri adalah tidak seragam kerana terdapat negeri yang memutuskan fatwa alkohol dan mewartakannya dan tidak mewartakan. Terdapat juga negeri yang tidak mengeluarkan fatwa berkaitan alkohol. Justeru, kajian ini bertujuan meneroka fatwa berkaitan alkohol di Jabatan Mufti Negeri Zon Utara Semenanjung Malaysia iaitu mengenal pasti fatwa-fatwa berkaitan alkohol dalam pemakaian oleh institusi fatwa tersebut. Ini supaya pengkaji-pengkaji lain secara khusus dan kepada masyarakat secara amnya dapat mengetahui kedudukan sebenar fatwa alkohol dalam pemakaian di Malaysia.

## SOROTAN KAJIAN

Fatwa merupakan penjelasan berkenaan hukum syarak oleh mufti terhadap persoalan agama berdasarkan dalil syarak sebagai jawapan kepada individu atau kumpulan yang bertanya (Hussain, 2013). Dari sudut perundangan fatwa di Malaysia, keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) tidak boleh dikuatkuasakan sebagai undang-undang sebelum diterima dan diwartakan oleh negeri-negeri. Fatwa yang diwartakan akan mengikat masyarakat Islam yang menetap di negeri tersebut sekaligus menjadi kewajipan masyarakat Islam mengikuti dan berpegang kepada fatwa tersebut. Bagi urusan penguatkuasaan fatwa, mufti dan Jabatan Mufti tidak bertanggungjawab untuk menguatkuasakan sesuatu fatwa, sebaliknya berperanan menyelesaikan sesuatu persoalan hukum sahaja (Nooh Gadot, 2006; Asni, 2017).

Antara fatwa-fatwa berkaitan alkohol dalam makanan di Malaysia tersebut oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Jawatankuasa Fatwa Negeri adalah Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi Dan Ubat-Ubatan, Alkohol Menurut Pandangan Islam, Alkohol Sebagai Penstabil Minuman Ringan, Fatwa Berkaitan Etil Alkohol Dalam Makanan, Penentuan Kandungan Alkohol Yang Dibenarkan Dalam Makanan Dan Minuman dan lain-lain (al-ahkam.net, 2022; JAKIM, islam.gov.my e-smaf, 2011; JAKIM.gov.my e-fatwa, 1988; JAKIM.gov.my e-fatwa, 1984; JAKIM, islam.gov.my e-smaf, 2010; Jabatan Mufti Pahang, gov.my, 2015).

Muzakarah Jawatankuasa fatwa kebangsaan telah memutuskan kandungan alkohol yang dibenarkan dengan lebih tinggi iaitu tidak melebihi 1% i/i bagi minuman ringan, manakala 0.5% i/i bagi bahan perasa dan pewarna makanan dan minuman (JAKIM, islam.gov.my e-smaf, 2011). Antara contoh fatwa peringkat negeri dan tidak diwartakan iaitu Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan yang bersidang pada 1 Januari 1970 telah membincangkan berkaitan penggunaan alkohol semasa solat. Ia merupakan fatwa terawal yang diputuskan berkaitan alkohol. Dalam keputusan ini, fatwa yang berkait dengan alkohol dalam makanan adalah alkohol juga terhasil dari lebihan proses pembuatan makanan seperti tapai, sama ada dari ubi kayu atau pulut. Ianya adalah tidak najis dan harus dimakan. Fatwa ini tidak memutuskan kandungan etanol yang spesifik dibolehkan dalam makanan dan minuman.

Terdapat beberapa kajian yang menyokong fatwa penentuan kandungan alkohol berdasarkan Muzakarah Jawatankuasa fatwa kebangsaan telah memutuskan kandungan alkohol yang dibenarkan

dengan lebih tinggi iaitu tidak melebihi 1% i/i bagi minuman ringan<sup>4</sup>, manakala 0.5% i/i bagi bahan perasa dan pewarna makanan dan minuman (JAKIM, islam.gov.my e-smaf, 2011). Antaranya kajian Jamaludin (2015) bertajuk penentuan kadar alkohol dalam produk minuman menurut perspektif fiqh dan sains. Anis Najiha Ahmad et al. (2014) menjelaskan bahawa setiap majlis fatwa Asia Tenggara mempunyai pendapat dan polisi yang sedikit berlainan mengenai status, aplikasi dan had etanol yang dibenarkan dalam makanan dan minuman halal. Artikel ini hanya menfokuskan kepada fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia tahun 2011 sahaja dan fatwa di Jabatan Mufti Negeri-negeri tidak dibincangkan.

Terdapat dakwaan mengenai fatwa penetapan kandungan alkohol dibenarkan dalam makanan dan minuman yang tidak praktikal dan kurang sesuai diamalkan. Keputusan fatwa ini tidak dapat dinafikan adalah hasil daripada ijihad yang dilakukan oleh jawatankuasa Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia. Namun, keputusan ini mendapat kritikan beberapa penyelidik (Rosele et al., 2016). Antaranya, kritikan dalam artikel oleh Ab Ghani & Ismail (2010) menyatakan penentuan 0.5% atau maksimum 1% alkohol dalam makanan dan minuman adalah tidak praktikal atas dua justifikasi iaitu kebanyakan makanan halal yang telah diproses pada hari ini yang dihasilkan secara fermentasi mengandungi kandungan etanol melebihi daripada kadar yang telah ditetapkan, sedangkan makanan tersebut dimakan oleh pengguna Islam seperti tapai. Kedua, kadar 1% bukanlah *'illah* pengharaman sesuatu makanan beralkohol, ini kerana *'illah* pengharamannya adalah *al-iskar* iaitu memabukkan.

Meskipun tulisan tentang fatwa alkohol dalam makanan dan minuman dan barang gunaan telah dilakukan pengkaji sebelum ini seperti Penentuan Kadar Alkohol Dalam Produk Minuman Menurut Perspektif Fiqh dan Sains oleh Aizat Jamaludin (2015), artikel Anis Najiha Ahmad et al. (2014) yang bertajuk Alkohol Dalam Makanan: Fatwa Semasa di Rantau Asia Tenggara, artikel yang bertajuk *Ethanol standard in halal dietary product among Southeast Asian halal governing bodies* oleh Norhidayah Pauzi et al. (2019) dan lain-lain. Walau bagaimanapun kesemua penulisan di atas tidak menyentuh perbahasan yang dilakukan oleh pengkaji iaitu mengenal pasti fatwa alkohol dalam di Jabatan Mufti Negeri zon Utara Malaysia. Tetapi kajian lepas membantu pengkaji memahami berkaitan pendekatan prosedur fatwa di Malaysia serta fatwa berkaitan alkohol peringkat antarabangsa.

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan dalam artikel ini adalah berbentuk kualitatif. Data-data diperoleh melalui kaedah analisis dokumen yang merupakan kaedah mendapatkan maklumat yang relevan daripada bahan bercetak dalam bentuk dokumen seperti buku, artikel jurnal, laporan teknikal dan lain-lain. Data juga turut diperoleh melalui laman-laman sesawang yang boleh dipertanggungjawabkan seperti laman web jabatan mufti negeri, JAKIM dan lain-lain untuk mengenalpasti fatwa dan pandangan hukum berkaitan alkohol yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JFK) dan Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFN). Data tersebut diambil daripada Koleksi Fatwa Berkaitan Alkohol Dalam Makanan dan lain-lain. Kemudian data-data yang telah dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Di samping itu, kaedah temu bual semi berstruktur turut dijalankan bersama wakil pihak institusi fatwa di zon Utara Semenanjung Malaysia khususnya Jabatan Fatwa Negeri Perlis (JFNPs), Jabatan Fatwa Negeri Kedah (JFNK) dan Jabatan Fatwa Negeri Pulau Pinang (JFNPP).

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian ini yang menjawab objektif kajian untuk meneroka dan mengenal pasti fatwa-fatwa berkaitan alkohol dalam pemakanan diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa di Jabatan Mufti Negeri zon Utara Semenanjung Malaysia dapat diklasifikasikan kepada beberapa tema iaitu:

### (a) Peruntukan Enakmen

Prosedur berhubung kait fatwa di Jabatan Fatwa Negeri-Negeri zon Utara Semenanjung Malaysia tertakluk peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Manakala Jabatan Fatwa Negeri Kedah tertakluk Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008. Jabatan Fatwa Negeri Kedah mengasingkan daripada Enakmen Pentadbiran Agama Islam. Tatacara atau prosedur mengeluarkan fatwa di Malaysia di bawah seliaan institusi fatwa tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang terdapat di negeri-negeri tersebut (Mahmood Zuhdi, 2004).

Proses penyediaan fatwa di peringkat kebangsaan dan negeri adalah sama tetapi mempunyai kesan yang berbeza. Fatwa yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa MKI melalui Mesyuarat Majlis Raja-raja adalah mengikat dan boleh dikuatkuasakan di negeri-negeri. Manakala

fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI adalah bersifat pandangan dan tidak mempunyai kesan perundangan. Fatwa ini hanya akan mengikat sekiranya pandangan tersebut dibawa ke Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri dan diwartakan.

Jadual 1.1: Nama Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri Zon Utara Malaysia

<b>Nama Jawatankuasa Fatwa</b>	<b>Negeri</b>	<b>Enakmen</b>
Jawatankuasa Fatwa	Kedah	Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008, (Seksyen 10), (Enakmen 10)
	Perlis	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006, (Seksyen 46)
	Perak	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, (Seksyen 35), (Enakmen 4 Tahun 2004).
	Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, (Seksyen 46), (Enakmen 10)

Sumber: JAKIM, *al-ahkam al-Fiqhiyyah* (2023)

Jadual 1.1 di atas menunjukkan nama jawatankuasa fatwa di jabatan fatwa negeri sekitar zon utara Semenanjung adalah sama iaitu “Jawatankuasa Fatwa” berdasarkan Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008, (Seksyen 10), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006, (Seksyen 46) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, (Seksyen 35), (Enakmen 4 Tahun 2004) dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, (Seksyen 46).

Pengkaji merumuskan hal ehwal pentadbiran berkaitan fatwa adalah di bawah peruntukan Enakmen Pentadbiran negeri masing-masing. Negeri Perlis tertakluk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006. Negeri Perak tertakluk Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 dan negeri Pulau Pinang tertakluk Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004. Walau bagaimanapun, hanya negeri Kedah mengkhususkan enakmen secara berasingan daripada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri iaitu di kenali sebagai Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008.

#### **(b) Fatwa Alkohol dan Kaitan Dengannya oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Zon Utara Malaysia**

Koleksi fatwa-fatwa alkohol tersebut terdiri daripada kategori fatwa diwartakan dan tidak diwartakan sahaja yang telah diterbitkan dalam bentuk buku, warta atau disiarkan melalui laman web portal rasmi fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Setelah mengenalpasti fatwa-fatwa berkaitan alkohol dan kaitan dengannya oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri zon Utara Semenanjung, pengkaji merumuskan seperti jadual 1.2 di bawah.

Jadual 1.2: Fatwa Alkohol dan Kaitan Dengannya oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri zon Utara Semenanjung

Negeri	Tajuk/ Isu Fatwa	Tahun Fatwa	Kategori	Status Pewartaan
Perlis	Hukum Etanol	2005	Sosial/ Syariah	Tidak Diwartakan
	Hukum Penjualan Arak Kepada Orang Bukan Islam Di Hotel		Muamalat/ Ekonomi	Tidak Diwartakan
	Hukum Keterlibatan Muslim Dalam Penghantaran Barang Tidak Halal Kepada Bukan Muslim	2020	Muamalat/ Ekonomi	Tidak Diwartakan
Pulau Pinang	Ubat yang mengandungi alkohol	1986	Perubatan	Tidak Diwartakan
	Hukum Penggunaan Alkohol Nyah Asli Hasil Dari Proses Penapaian	2013	Makanan & minuman	Tidak diwartakan
	Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal	2017	Makanan dan Minuman	Tidak Diwartakan
Perak	Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi Dan Ubat-Ubatan	2017	Makan dan Minum	Tidak Diwartakan
Kedah	Alkohol Dalam Makanan, Minuman dan Pewangi	28 Mac 2019	Makan dan Minum	Diwartakan
	Fatwa Pengharaman Air Daun Ketum	2005	Makan dan Minum	Tidak Diwartakan
	Fatwa Pengharaman Air dari pokok Ketum	2015	Makan dan Minum	Diwartakan

Sumber: Olahan pengkaji daripada Majlis Fatwa Kebangsaan, 2022; JAKIM, 2011; JAKIM, 2010; Jabatan Mufti Pulau Pinang, 2017; Jabatan Mufti Negeri Kedah, 2023

Jadual 1.2 menunjukkan Fatwa Alkohol & Kaitan Dengannya oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri zon Utara Semenanjung. Pengkaji menyimpulkan kebanyakkan fatwa tersebut di kategorikan di bawah makan dan minum. Hanya Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah sahaja memutuskan fatwa khusus bawah isu Alkohol Dalam Makanan, Minuman dan Pewangi. Fatwa ini telah diwartakan pada 28 Mac 2019. Ini bermaksud fatwa ini mengikat dan memberi kesan terhadap undang-undang kepada orang

Islam di negeri itu. Manakala, jawatankuasa fatwa negeri Perak turut memutuskan fatwa berkaitan alkohol bertajuk “Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi Dan Ubat-Ubatan” pada tahun 2017, tetapi tidak diwartakan. Walau bagaimanapun, jawatankuasa fatwa negeri Pulau Pinang memutuskan isu ubat yang mengandungi alkohol bawah kategori perubatan. Fatwa ini berstatus tidak diwartakan. Tetapi, negeri Perlis masih belum diputuskan fatwa khusus berkaitan alkohol dan masih dalam perbincangan dan pertimbangan sewajarnya. Namun, jawatankuasa syariah negeri Perlis memutuskan hukum etanol pada tahun 2005 di bawah kategori sosial dan syariah. Hukum etanol ini dikhususkan kepada hasil produk etanol yang dihasilkan oleh sebuah syarikat Fermpro Sdn Bhd di Chuping Perlis. Fatwa ini berstatus tidak diwartakan.

Namun, terdapat beberapa fatwa yang ada hubung kait berkenaan alkohol seperti Fatwa “Hukum Penjualan Arak Kepada Orang Bukan Islam Di Hotel” yang telah diputuskan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis di bawah kategori muamalat atau ekonomi serta fatwa “Hukum Keterlibatan Muslim Dalam Penghantaran Barang Tidak Halal Kepada Bukan Muslim” pada tahun 2020. Jawatankuasa Fatwa negeri Kedah pula memutuskan fatwa “Pengharaman Air Ketum” pada tahun 2005 berstatus tidak diwartakan dan fatwa “Pengharaman Air Dari Pokok Ketum” pada tahun 2015 terkandung di bawah kategori makan dan minum dan berstatus fatwa yang diwartakan. Pada tahun 2017, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan fatwa “Hukum Penggunaan Asid Tartatik Dalam Industri Makanan Halal” pada tahun 2017. Selain itu, iu bertajuk Hukum Penggunaan Alkohol Nyah Asli Hasil Dari Proses Penapaian telah diputuskan pada tahun 2013. Kedua-dua fatwa ini berstatus tidak diwartakan dan di bawah kategori makanan dan minuman.

**(c) Keputusan (*Sighah*) Fatwa Berkaitan Alkohol dan Kaitan Dengannya oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Zon Utara Malaysia**

Seterusnya, dapatan kajian terhadap Keputusan Fatwa Alkohol & Kaitan Dengannya oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri adalah seperti di jadual 1.3.

Jadual 1.3: Keputusan (*Sighah*) Fatwa Alkohol & Kaitan Dengannya oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri

Negeri	Tajuk keputusan fatwa	Keputusan Fatwa Alkohol & Kaitannya oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFN)
Perlis	Hukum Etanol 2005	<p>Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Syariah negeri Perlis yang diadakan pada 14 Feb 2005 memutuskan:</p> <p>Setelah mendengar taklimat daripada pihak pengurusan kilang Fempro, Chuping, Perlis yang menjelaskan bahawa etanol yang dikeluarkan mereka diproses daripada bahan-bahan gula, yis yang kesemuanya bahan-bahan tersebut halal dan boleh digunakan, dan Jawatankuasa Syariah berpuas hati, bahawa tidak ada bahan-bahan yang dilarang oleh syarak, dalam usaha pengeluaran etanol tersebut, maka Jawatankuasa Syariah membuat keputusan sebulat suara iaitu:</p> <p>"Etanol yang dikeluarkan oleh Kilang Fempro, Chuping Perlis seperti yang diperjelaskan kepada Jawatankuasa Syariah pada 10 Januari 2005 adalah diakui tidak najis dan harus digunakan mengikut peraturan-peraturan penggunaan etanol yang betul, logo halal yang dipohon oleh kilang tersebut, boleh dipertimbangkan oleh Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Perlis."</p>
	Hukum Penjualan Arak Kepada Orang Bukan Islam Di Hotel	<p>Mesyuarat membuat keputusan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Islam mengharamkan umatnya mengambil sebarang manfaat daripada arak seperti minum, memberi minum, menjual, membeli, membawa, memperoses, meluluskan lesen penjual arak kepada orang Islam dan lain-lain yang berkaitan dengannya.</li> <li>2. Orang Islam haram memberi sebarang perkhidmatan arak kepada orang Islam atau kepada orang bukan Islam samada berbayar atau tidak berbayar.</li> <li>3. Orang-orang Islam dilarang menjual dan meminum arak berdasarkan Enakman Jenayah Dalam Syara' Negeri Perlis Fasal 24 Ceraian (2).</li> </ol>
Kedah	Alkohol Dalam Makanan, Minuman Dan Pewangi 28 Mac 2019	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 26 April 2018, inilah diputuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) alkohol yang diperoleh daripada proses pembuatan arak hukumnya adalah haram dan najis walaupun disulingkan. Manakala alkohol yang diperoleh bukan melalui proses pembuatan arak dalam bentuk asli hukumnya tetap haram (tidak boleh) diminum walaupun ia bukan najis kerana mengandungi sebatian kimia yang boleh memudaratkan sehingga membawa kepada kematian;</li> <li>(b) makanan atau minuman ringan yang dimasukkan bahan perisa atau pewarna yang mengandungi alkohol bagi tujuan penstabilan adalah harus digunakan sekiranya;</li> <li>(i) alkohol bukan dihasilkan daripada pembuatan arak;</li> <li>(ii) minuman ringan yang dibuat bukan dengan tujuan untuk menghasilkan arak;</li> <li>(iii) mengandungi alkohol di bawah paras 1%;</li> <li>(iv) mengandungi alkohol secara semulajadi seperti buah-buahan, kekacang atau bijirin serta perahannya;</li> </ul> </li> </ol>

		<p>(v) mengandungi alkohol secara sampingan semasa proses pembuatan makanan atau minuman tersebut; dan</p> <p>(vi) mengandungi alkohol dalam perasa (flavor) dengan kuantiti yang sedikit iaitu tidak memabukkan dan kadar alkohol dalam proses akhir minuman dan makanan tidak melebihi 0.5%.</p> <p>2. Ubat-ubatan dan pewangi yang mengandungi alkohol sebagai bahan pelarut atau penahan adalah tidak najis dan diharuskan jika alkohol tersebut bukan diambil melalui proses pembuatan arak.</p> <p>3. Mana-mana orang tidak boleh mengeluarkan minuman atau makanan yang menggunakan pembungkusan, label dan jenama yang boleh menimbulkan keraguan kepada pengguna walaupun telah mematuhi syarat-syarat yang tersebut di perenggan 1 (b).</p>
	Fatwa Pengharaman air dari pokok ketum di negeri Kedah 2015	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 20 Oktober 2014, maka diputuskan Fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) bahawa mana-mana orang Islam yang meminum air dari pokok ketum sama ada dicampur ataupun tidak dicampur dengan apa-apa bahan sekalipun yang boleh memudharatkan, maka hukumnya adalah haram</li> <li>ii) mana-mana orang Islam yang meminum air dari pokok ketum atau memakan apa-apa produk yang berasaskan pokok ketum adalah haram</li> <li>iii) mana-mana orang Islam yang menanam, memproses, memiliki, menjual, mengedar, membeli, meminum atau membenarkan premis digunakan untuk mana-mana tujuan tersebut, maka adalah dilarang</li> <li>iv) mana-mana orang Islam yang melakukan perkara-perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di Negeri Kedah Darul Aman.</li> </ul>
Pulau Pinang	Ubat yang mengandungi alkohol	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada 1986 memutuskan bahawa:</p> <p>Ubat-ubatan yang mengandungi kandungan alkohol yang sedikit adalah harus dan boleh dimaafkan.</p>
	Hukum Penggunaan Alkohol Nyah Asli Hasil Dari Proses Penapaian	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2013 yang bersidang pada 20 hingga 21 Mac 2013 telah membincangkan berkenaan Permohonan Penetapan Hukum Penggunaan Alkohol Nyah Asli Hasil Dari Proses Penapaian. Keputusan Mesyuarat adalah seperti berikut:</p> <p>Mesyuarat memutuskan supaya Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang mengemukakan isu ini kepada Bahagian Penyelidikan, JAKIM untuk dikemukakan ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kerana isu ini melibatkan peringkat nasional.</p>
	Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makaman Halal	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2017 yang bersidang pada 24-25 Oktober 2017 telah membincangkan mengenai Hukum Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal. Mesyuarat memutuskan bahawa:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Asid tartarik yang menggunakan <i>wine-lees</i> adalah haram kerana: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. ia terhasil daripada proses pemeraman arak yang telah sempurna dan bukannya sebelum menjadi arak.</li> </ul> </li> </ol>

		<p>b. <i>Istihalah</i> yang berlaku secara semulajadi daripada arak adalah dibenarkan. Tetapi proses nyah alkohol secara penyulingan wine-lees tidak berlaku secara semulajadi dan tidak dibenarkan.</p> <p>2. Asid tartarik yang bukan berasal daripada <i>wine-lees</i> adalah dibenarkan.</p>
--	--	--

Sumber: Olahan pengkaji daripada Majlis Fatwa Kebangsaan, 2022; JAKIM, 2011; JAKIM, 2010; Jabatan Mufti Pulau Pinang, 2017; Jabatan Mufti Negeri Kedah, 2023.

Jadual 1.3 menunjukkan keputusan Fatwa Alkohol & Kaitan Dengannya oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri di Zon Utara Malaysia. Keputusan fatwa Hukum Etanol diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis yang diadakan pada 14 Feb 2005 iaitu etanol yang dikeluarkan oleh Kilang Fempro, Chuping Perlis adalah diakui tidak najis dan harus digunakan mengikut peraturan-peraturan penggunaan etanol yang betul. Ini dapat dibuktikan dengan jelas etanol yang dikeluarkan syarikat itu diproses daripada bahan-bahan gula dan yis yang kesemuanya bahan-bahan tersebut halal dan tidak ada bahan-bahan yang dilarang oleh syarak.

Responden R1 (JM) Muhammad Khidhir Abdul Ghani, pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Fatwa dari Jabatan Mufti Negeri Perlis (JMNPs) mengesahkan fatwa hukum etanol yang diputuskan ini. Beliau menyatakan:

“Setelah diteliti dan dibuat pertimbangan, dibuktikan etanol yang dihasilkan oleh syarikat Fempro Sdn. Bhd adalah diproses daripada bahan mentah yang halal dan tidak najis iaitu bahan mentah molases daripada bahan gula dan yis. Tujuan etanol dihasilkan memenuhi pasaran kegunaan industri-industri di Malaysia”.

Walau bagaimanapun, fatwa berkaitan alkohol khusus makanan dan minuman, pewangi dan ubat-ubatan masih belum diputuskan di peringkat negeri. Kertas kertas penyelidikan dan taklimat bersama pakar bidang kimia, hukum dan kesihatan telah dilakukan dan penelitian lanjut (Temu bual, 2023). Beliau menyatakan:

“Pihak JFNPs masih dalam penelitian lanjut dan pertimbangan sewajarnya sebelum memutuskan fatwa berkaitan. Dari sudut prosedur kertas kerja telah dilakukan”.

Seterusnya, keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah pada 2018 berkaitan fatwa alkohol adalah sama rumusan *sighah* telah diputuskan oleh MJFMK pada tahun 2011, tetapi dengan beberapa perkara di buat penambah baikan mengikut kesesuaian uruf setempat. Jawatankuasa Fatwa Negeri

Kedah sahaja memutuskan fatwa khusus bawah isu Alkohol Dalam Makanan, Minuman dan Pewangi. Fatwa ini telah diwartakan pada 28 Mac 2019. Ini jelas berdasarkan responden R2 (JM) Faridah Ahmad, Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Kedah (JMNK) menjelaskan pihak JFNK memandang isu alkohol ini sangat penting dan perlu dibawa perbincangan lanjut di peringkat negeri untuk diwartakan. Ini kerana fatwa yang diwartakan di setiap negeri adalah lebih mengikat undang-undang syariah berbanding fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Ini bermaksud fatwa ini mengikat dan memberi kesan terhadap undang-undang kepada orang Islam di negeri itu. Terdapat beberapa *sighah* daripada keputusan hukum Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi Dan Ubat-Ubatan oleh MJFMKI 2011 di ubah suai dan perubahan di buat mengambil cakna uruf setempat di negeri Kedah (Temu bual, 2023). Beliau menyatakan:

“Memandangkan isu ini dipandang serius dan penting oleh JFNK. Setelah mendapat penerangan ahli jawatankuasa MJFMKI dan pakar bidang, beberapa *sighah* daripada keputusan hukum alkohol MJFMKI di ubah suai dan perubahan di buat mengambil cakna uruf setempat di negeri Kedah”.

Seterusnya, keputusan Fatwa ubat Homeopati yang mengandungi campuran 1/1000 alkohol adalah harus dan dimaafkan seperti diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada 1986. Responden R3 (JM) Dr. Mohamad Zaki Haji Abdul Halim selaku Penolong Mufti Kanan di Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) menjelaskan isu asid tartarik yang menggunakan *wine-lees* adalah haram kerana terhasil daripada proses pemeraman arak yang telah sempurna dan bukannya sebelum menjadi arak. Proses nyah alkohol secara penyulingan *wine-lees* tidak berlaku secara semulajadi dan tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, asid tartarik yang bukan berasal daripada *wine-lees* adalah dibenarkan (Temu bual, 2023).

Walau bagaimanapun, fatwa berkaitan alkohol khusus makanan dan minuman, pewangi dan ubat-ubatan masih belum diputuskan di peringkat negeri. Ini kerana dari sudut aplikasi isu alkohol, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang menggunakan keputusan fatwa alkohol yang diputuskan oleh MJFMKI 2011 (Temu bual, 2023).

Beliau menyatakan:

“Pihak JMNPP masih belum memutuskan atwa berkaitan alkohol khusus makanan dan minuman, pewangi dan ubat-ubatan khusus peringkat negeri.

Hanya pada tahun 1986 memutuskan hukum alkohol digunakan dalam ubat adalah diharuskan”.

## KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian dan hasil dapatan kajian, pengkaji mendapati fatwa berkaitan alkohol di Jabatan Mufti Negeri sekitar zon Utara Semenanjung Malaysia diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri. Pemakaian “Jawatankuasa Fatwa” di jabatan fatwa negeri sekitar zon Utara Semenanjung adalah sama dan selari berdasarkan Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008, (Seksyen 10), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006, (Seksyen 46) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, (Seksyen 35), (Enakmen 4 Tahun 2004) dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, (Seksyen 46).

Seterusnya, majoriti fatwa berkaitan alkohol dan kaitan dengannya diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri zon Utara Semenanjung berstatus tidak diwartakan. Hanya Jabatan Fatwa Negeri Kedah sahaja yang memutuskan fatwa alkohol secara khusus dan berstatus diwartakan pada tahun 2019. Justifikasi pihak JMNK adalah kerana fatwa yang diwartakan di setiap negeri adalah lebih mengikat undang-undang syariah berbanding fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Ini bermaksud fatwa berkaitan alkohol diwartakan akan mengikat dan memberi kesan terhadap undang-undang kepada orang Islam di negeri itu. Terdapat beberapa *sighah* daripada keputusan hukum Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi Dan Ubat-Ubatan oleh MJFMKI 2011 diambil dan dibuat perubahan sesuai dengan uruf setempat di negeri Kedah.

Namun, Jabatan Fatwa Negeri Perlis dan Jabatan Fatwa Negeri Pulau Pinang belum ada isu fatwa berkaitan alkohol secara khusus diputuskan. Justifikasi JMNPs dan JMNPP adalah kedua-duanya menggunakan pakai keputusan hukum peringkat kebangsaan melalui Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing, masih dalam pertimbangan dan tiada keperluan mendesak negeri. Signifikan daripada kajian ini, mungkin negeri yang masih belum mempunyai fatwa secara khusus boleh melihat kembali keperluan pihak industri yang memerlukan kepada penentuan hukum tersebut.

## PENGHARGAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dihulurkan kepada pihak RMIC, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) atas tajaan dana penyelidikan ini melalui Skim Geran Jangka Pendek (STG-058/2022) serta menyokong kerja penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Ab Ghani, A., & Ismail, M. S. (2010). Penentuan Piawaian Alkohol Dalam Makanan Yang Dibenarkan Dari Perspektif Islam. *Jurnal Fiqh*, 7, 277-299.
- Ab. Majid, M. Z. (2012). Maqasid al-Shariah: Satu Pengenalan. Dalam *Maqasid al-Shari'ah*. Selangor: Penerbit UIAM, h. 37.
- Ahmad, A. N., & Wan Ahmad, W. N. (2014). Alkohol (Arak dan Etanol) dalam Makanan Halal. *Jurnal Intelek*, 9(1), 40-51.
- Asni, F. A. H. M. (2017). The Practices Of Weak (Daif) Hadiths In Production Of Islamic Law From The Perspectives Of Hadith Studies And Fatwa Legislators In Malaysia: Pengamalan Hadis Daif Dalam Pengeluaran Hukum Syarak Menurut Perspektif Ilmu Hadis Dan Penggubal Fatwa Di Malaysia. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 7(1), 1-9.
- Asni, F., Ramle, M. R., Noor, A. M., & Hasbulah, M. H. 1 (June 2022). Peranan Kaedah Mura 'Ah Al-Khilaf Terhadap Penyeragaman Fatwa Di Jabatan Mufti Negeri Perlis. *Jurnal Jamalullail*, 1(2), 23-45.
- Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, "Alkohol Sebagai Penstabil Dalam Minuman Ringan Menurut Islam", Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ke 7, 24 dan 25 November 1988. Dewan Syura Pusat Islam Malaysia, Jalan Perdana Kuala Lumpur.
- Bahari, N. B. (2020, 24 & 25 November). *Pemakaian Elemen Maqasid Shariah Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia*. Dalam Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5. Diambil daripada <http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak2020/>
- Hussain, L. H. (2013). *Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kewajaran dan Kekangan*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM, h. 6.
- Jabatan Mufti Pahang. (2015). *Penentuan Kandungan Alkohol yang dibenarkan dalam makanan dan minuman*. Di ambil daripada <http://mufti.pahang.gov.my>
- JAKIM. (1984). *Alkohol sebagai penstabil minuman ringan*. Di ambil daripada <http://www.e-fatwa.gov.my>
- JAKIM. (1988). *Alkohol Menurut pandangan Islam*. Di ambil daripada <http://www.e-fatwa.gov.my>
- JAKIM. (2010). *Fatwa berkaitan etil alcohol dalam makanan*. Di ambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/3>
- JAKIM. (2011). *Alkohol dalam makanan, minuman, pewangi dan ubat-ubatan*. Di ambil daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10281>
- Jamaludin, M. A. (2015). *Penentuan Kadar Alkohol Dalam Produk Minuman Menurut Perspektif Fiqh dan Sains*. Unpublished Doctoral Dissertation. Seri Kembangan: Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia.
- Johari, A. S. Y. (2001). *Penyelarasan Fatwa di Malaysia: Kekangan Dari Aspek Perundangan*. Dlm. Monograf *al-Ifta'*(Siri 1), disunting oleh Hajah Wan Morsita Wan Sudin, 74-86.
- Majlis Fatwa Kebangsaan. (2022). *Koleksi Fatwa Berkaitan Alkohol Dalam Makanan Dll*. Di ambil daripada <http://www.al-ahkam.net>

- Mustapha, A., Ali, E. M. T. E., & Saadan, M. K. K. (2019). Kepentingan Maqasid Shari'ah Dalam Ugama Islam Malaysia: The Importance of Maqasid Shariah in the Muzakarah of the National Fatwa Council for Islamic Religious Affairs Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 2(1), 132-150.
- Najihah, A. A., Tajul, A. Y., Norziah, M. H., & Wan Nadiah, W. A. (2010). A Preliminary Study On Halal Limits For Ethanol Content In Food Products. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 6(1), 45-50.
- Nooh, G. (2006). *Pengurusan Fatwa di Malaysia*. Dalam Prinsip dan Pengurusan Fatwa di negara-negara ASEAN. Negeri Sembilan: INFAD KUIM.
- Norhidayah, P. (2016). *Analisis perbandingan penentuan piawaian halal antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Pauzi, N., Man, S., Nawawi, M. S. A. M., & Abu-Hussin, M. F. (2019). Ethanol standard in halal dietary product among Southeast Asian halal governing bodies. *Trends in Food Science & Technology*, 86, 375-380.
- Rosele, M. I., & Abdullah, L. H. (2021). Analisis Terhadap Fatwa-fatwa Zakat Syarikat di Malaysia: An Analysis of Zakah on Company Fatwa's in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 1-12.
- Rosele, M. I., Abdullah, L. H., Ismail, P. H., & Ramli, M. A. (2013). Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Jurnal Fiqh*, 10, 31-56.
- Rosele, M. I., Ariffin, M. F. M., Ramli, M. A., & Isamail, M. Z. (2016). Pendekatan ijтиhad kontemporari dalam isu semasa di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 13(2016), 53-66.
- Temu bual bersama Dr. Mohamad Zaki Haji Abdul Halim, Penolong Mufti Kanan. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang bertarikh pada 29 September 2023 jam 3.00 petang.
- Temu bual Bersama Dr. Faridah Ahmad, Ketua Penolong Mufti, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Kedah (JMNK) bertarikh pada 27 September 2023 jam 3.00 petang.
- Temu bual Bersama Muhammad Khidhir Abdul Ghani, pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Fatwa dari Jabatan Mufti Negeri Perlis (JMNPs) bertarikh pada 25 Ogos 2023 (Jumaat) jam 3.00 petang.
- Yusli, A. Y., Asni, F., & Umar, B. A. I. (2021). The Role of Fiqh Method in Strengthening Fatwa Related to Vaccine Injection for Prevent Covid-19 by Perlis State Mufti. *Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(8), 1439-1449.
- Mahmood Zuhdi, A.M. (2004). Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 12(2), 79-93.